



Ruj. Kami : KPDN.100-15/2/34 (5)
Tarikh : 25 Mei 2026

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

PEMAKLUMAN AWAL PELAKSANAAN PERALIHAN KOD OGA "MIT" KEPADA KOD OGA "PDN" BAGI PERMOHONAN PERMIT IMPORT DAN EKSPORT GULA SERTA PERMIT EKSPORT SIMEN DAN KLINKER SAHAJA

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Seperti pihak tuan sedia maklum, Kementerian ini bertanggungjawab terhadap kelulusan permit import dan eksport gula (Kod HS 1701 dan 1702), serta permit eksport simen dan klinker (Kod HS 2523.10.10 00 hingga 2523.29.90 00). Pada masa ini, urusan permohonan kelulusan permit import dan eksport gula serta permit eksport simen dan klinker masih dilaksanakan melalui antara muka Sistem ePermit sedia ada secara perkongsian dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) di bawah kod Agensi Kerajaan Lain (*Other Government Agency – OGA*) 'MIT', memandangkan portfolio komoditi tersebut sebelum ini berada di bawah seliaan MITI.

3. Selaras dengan peralihan portfolio kawal selia komoditi tersebut kepada KPDN, Kementerian ini sedang melaksanakan migrasi ke platform Sistem



CERTIFIED TO ISO 9001:2008



ePermit baharu di bawah kod OGA 'PDN'. Peralihan ini bertujuan memperkasakan fungsi kawal selia dan membolehkan KPDN melaksanakan penyesuaian sistem secara sendiri tanpa bergantung kepada pihak MITI sebagai pentadbir utama.

4. Untuk makluman pihak tuan, pembangunan Sistem ePermit baharu di bawah kod OGA 'PDN' ini kini berada di fasa pengujian dan dijadualkan untuk *live* pada 7 Julai 2026. Sehubungan itu, perincian fasa pelaksanaan adalah seperti berikut sebagai makluman dan persediaan awal pihak tuan:

- (a) 25 Jun 2026 (Khamis)
 - Sesi Kesedaran Sistem kepada Pengguna (*User awareness session*) (Nota: Jemputan akan dihantar kepada pengguna Sistem ePermit berdasarkan maklumat perhubungan yang direkodkan dalam Sistem ePermit).
- (b) 26 Jun 2026 (Jumaat)
 - Pengguna boleh subscribe kepada kod OGA "PDN" melalui portal pendaftaran dagangnet (<https://registration.dagangnet.com.my>). Namun tiada permohonan boleh dikemukakan di bawah kod ini sehingga tarikh *live*.
- (c) 3 Julai 2026 (Jumaat) jam 11.59 malam : Penutupan Kod OGA 'MIT'
 - Semua permohonan melalui kod OGA 'MIT' hendaklah dihantar sebelum 3 Julai 2026 (Jumaat) jam 11.59 malam. Permohonan yang dihantar sebelum tempoh ini akan diproses melalui Sistem ePermit lama.

- Selepas jam 11.59 malam, sistem bagi kod OGA "MIT" akan ditutup sepenuhnya untuk komoditi gula dan simen. Pihak syarikat tidak lagi dibenarkan menghantar permohonan melalui kod tersebut.
- Sekiranya terdapat mana-mana permohonan yang telah dihantar di Sistem ePermit lama ditolak (*reject*) selepas 3 Julai 2026, syarikat boleh mengemukakan semula permohonan baharu melalui Sistem ePermit yang baharu (Kod OGA 'PDN') bermula jam 9.30 pagi pada 7 Julai 2026.

(d) 7 Julai 2026 (Selasa) jam 9.30 pagi : Sistem ePermit Kod OGA 'PDN' *Live*

- Syarikat boleh mengemukakan permohonan permit import dan eksport gula serta permit eksport simen dan klinker melalui Sistem ePermit baharu di bawah Kod OGA "PDN" menggunakan pautan https://newepermit.dagangnet.com.my/epermit/login/login_notice.html.
- Mana-mana permohonan yang masih berstatus 'Draf' di dalam sistem lama hendaklah diisi semula sebagai permohonan baharu di dalam sistem OGA 'PDN'.
- Sekiranya terdapat mana-mana permohonan yang telah dihantar di Sistem ePermit lama ditolak (*reject*) selepas 3 Julai 2026, syarikat boleh mengemukakan semula permohonan baharu melalui Sistem ePermit yang baharu (Kod OGA 'PDN') bermula jam 9.30 pagi pada 7 Julai 2026.

5. Maklumat lanjut mengenai tarikh pelaksanaan *live* akan dimaklumkan dari semasa ke semasa sekiranya ada perubahan. Sehubungan dengan itu, sebagai persediaan pelaksanaan peralihan kepada kod OGA 'PDN',

kerjasama pihak tuan adalah dimohon untuk mengemaskini maklumat perhubungan di dalam Sistem ePermit sebelum 17 Jun 2026. Ini adalah kerana jemputan sesi Kesedaran Sistem kepada Pengguna akan dihantar kepada alamat e-mel yang dikemaskini di dalam portal pendaftaran dagangnet (<https://registration.dagangnet.com.my>).

6. Soalan Lazim (FAQ) mengenai pelaksanaan peralihan kepada Sistem ePermit baharu adalah seperti di **Lampiran 1** untuk rujukan pihak tuan. Sebarang pertanyaan dan bantuan teknikal berkaitan Sistem ePermit boleh dikemukakan melalui *Careline* ePermit di nombor 1 300 133 133 atau careline@dagangnet.com.

Kerjasama dan sokongan daripada pihak tuan bagi menjayakan proses peralihan ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD YUSRI BIN YUSOF)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kawal Selia Barang Kawalan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup